

# PERANAN BANK MAKANAN DALAM MENANGANI KETIDAKSELAMATAN MAKANAN DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI: SATU SOROTAN LITERATUR

## ***THE ROLE OF FOOD BANKS IN ADDRESSING FOOD INSECURITY AMONG UNIVERSITY STUDENTS: A LITERATURE REVIEW***

Norzuraida Hasan<sup>1\*</sup>

Asiah Kamal<sup>2</sup>

Zanirah Mustapha@Busu<sup>3</sup>

Nurul Izzah Noor Zainan<sup>4</sup>

<sup>1</sup>\* Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia, (Co-responding e-mail: zuraidahasan@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia, (E-mail: asiahkamal@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia, (E-mail: zanir26@uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia, (E-mail: nurulizzah@uitm.edu.my)

### Article history

Received date : 8-9-2024

Revised date : 9-9-2024

Accepted date : 13-10-2024

Published date : 20-10-2024

### To cite this document:

Hasan, N., Kamal, A., Mustapha@Busu, Z., & Noor Zainan, N. I. (2024). Peranan bank makanan dalam menangani ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar universiti: Satu sorotan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (67), 91 - 100.

**Abstrak:** Ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar universiti merupakan isu yang semakin mendapat perhatian di seluruh dunia, yang memberi impak terhadap kesejahteraan mental, fizikal, dan prestasi akademik mereka. Dalam usaha menangani masalah ini, bank makanan di universiti telah diperkenalkan sebagai satu inisiatif yang bertujuan untuk menyediakan sokongan makanan kepada pelajar yang menghadapi kesulitan kewangan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan bank makanan dalam mengurangkan ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar universiti, serta menilai keberkesanannya dan cabaran yang dihadapi berdasarkan kepada sorotan literatur sedia ada. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan dan menganalisis data daripada pelbagai kajian terdahulu yang berkaitan dengan ketidakselamatan makanan dan peranan bank makanan di universiti. Kajian-kajian ini dinilai dari segi objektif, metodologi, dan hasil yang diperoleh untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bank makanan telah terbukti berkesan dalam menyediakan bantuan segera kepada pelajar yang mengalami ketidakselamatan makanan, dengan hasil yang positif terhadap kesejahteraan mental dan prestasi akademik mereka. Walau bagaimanapun, cabaran seperti stigma sosial, kekurangan dana, dan sumber daya serta kesan negatif terhadap kesihatan mental pelajar turut dibincangkan. Penemuan ini menekankan perlunya pendekatan

yang lebih komprehensif dan bersepada bagi menangani isu ketidakselamatan makanan, termasuk sokongan kewangan, pendidikan kesedaran untuk mengurangkan stigma, serta kerjasama dengan organisasi luar. Kajian ini menunjukkan bank makanan memainkan peranan penting dalam mengurangkan ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar universiti, tetapi ia memerlukan sokongan berterusan dan strategi yang lebih holistik untuk memastikan keberkesanan jangka panjang dalam membantu pelajar mencapai kejayaan akademik dan seterusnya kesejahteraan dalam kehidupan.

**Kata Kunci:** Bank makanan, ketidakselamatan makanan, mahasiswa, universiti

**Abstract:** Food insecurity among university students has become a growing concern globally, with significant impacts on their mental well-being, physical health, and academic performance. To address this issue, campus food banks have been introduced as an initiative aimed at providing food support to students facing financial difficulties. This study aims to examine the role of food banks in mitigating food insecurity among university students and to assess the effectiveness and challenges faced by these initiatives based on existing literature review. This study adopts a literature review approach by collecting and analyzing data from various previous studies related to food insecurity and the role of food banks at universities. These studies were evaluated in terms of objectives, methodologies, and findings to gain a deeper understanding of the issue. The findings indicate that food banks have proven effective in providing immediate assistance to students experiencing food insecurity, with positive outcomes on their mental well-being and academic performance. However, challenges such as social stigma, lack of funding, resource constraints, and the negative effects on students' mental health were also highlighted. These findings emphasize the need for a more comprehensive and integrated approach to addressing food insecurity, including financial support, stigma-reducing awareness education, and collaboration with external organizations. This study suggests that food banks are an essential step in alleviating food insecurity among university students, however they require sustained support and more holistic strategies to ensure long-term effectiveness in helping students achieve academic success and overall well-being.

**Keywords:** Food banks, food insecurity, students, university

## Pengenalan

Ketidakselamatan makanan merupakan isu global yang semakin mendapat perhatian dan turut memberi kesan kepada kalangan pelajar universiti. Meskipun pendidikan tinggi dianggap sebagai satu langkah penting ke arah mencapai kemajuan sosial dan ekonomi, namun terdapat ramai pelajar masih berdepan dengan cabaran besar, terutamanya dalam mendapatkan makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Menurut kajian yang dijalankan di pelbagai institusi pendidikan, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa sekumpulan pelajar berhadapan dengan ketidakselamatan makanan, yang memberi kesan negatif kepada kesihatan dan pencapaian akademik mereka (Martinez et al., 2018; Hughes et al., 2011). Dalam konteks ini, bank makanan di universiti muncul sebagai salah satu penyelesaian untuk membantu pelajar yang memerlukan.

Bank makanan di universiti berfungsi sebagai sumber sokongan yang menawarkan makanan percuma atau pada harga yang rendah kepada pelajar yang mengalami masalah kewangan. Walau bagaimanapun, peranan bank makanan dalam menangani masalah ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar masih belum diteroka sepenuhnya. Terdapat keperluan mendesak

untuk memahami bagaimana bank makanan dapat membantu mengatasi masalah ini, serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam mengakses bantuan ini. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk meneroka sejauh mana bank makanan memainkan peranan dalam menangani masalah ketidakselamatan makanan keberkesannya terhadap pelajar universiti melalui kajian-kajian lepas.

### **Isu dan Permasalahan**

Ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar universiti semakin meningkat akibat kos sara hidup yang tinggi dan tekanan kewangan yang dihadapi. Hal ini menyebabkan pelajar terpaksa mengorbankan keperluan asas seperti makanan untuk memenuhi tuntutan pendidikan. Selain itu, stigma sosial menghalang banyak pelajar daripada menggunakan bank makanan, di mana mereka merasa malu untuk mengakui memerlukan bantuan. Kekurangan kesedaran mengenai keberadaan bank makanan dan cara mengaksesnya juga memburukkan lagi masalah ini. Ketidakselamatan makanan bukan hanya menjadikan kesihatan fizikal tetapi juga memberi kesan kepada kesejahteraan mental pelajar, dengan meningkatkan risiko stres dan kemurungan. Selain itu, kekurangan penyelidikan mengenai isu ini di Malaysia menunjukkan perlunya kajian untuk memahami peranan bank makanan dalam konteks pendidikan tinggi tempatan dan untuk merumuskan dasar yang berkesan dalam menangani masalah ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar.

### **Kajian Literatur**

Kajian lepas dibahagikan kepada beberapa tema iaitu konsep bank makanan, konsep sekuriti makanan dan peranan bank makanan terhadap pelajar universiti.

### **Konsep Sekuriti Makanan**

Sekuriti makanan merujuk kepada keadaan di mana setiap individu mempunyai akses fizikal, sosial, dan ekonomi yang berterusan kepada makanan yang mencukupi, selamat, dan berkhasiat untuk memenuhi keperluan diet mereka bagi kehidupan yang aktif dan sihat (Food and Agriculture Organization [FAO], 2006). Konsep ini melibatkan empat komponen utama sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1:

**Jadual 1: Komponen Sekuriti Makanan**

<b>Komponen</b>	<b>Penerangan</b>
Ketersediaan Makanan	Memastikan makanan ada dalam kuantiti yang cukup melalui pengeluaran tempatan, import, atau bantuan makanan.
Akses kepada Makanan	Menjamin bahawa individu mampu memperoleh makanan sama ada melalui kewangan yang mencukupi, bantuan sosial, atau sumber lain.
Penggunaan Makanan	Kemampuan individu untuk menggunakan makanan dengan baik, termasuk amalan penyimpanan dan penyediaan yang selamat, serta pengetahuan tentang pemakanan yang sihat.
Kestabilan Akses	Akses berterusan kepada makanan yang mencukupi tanpa risiko gangguan yang berpunca daripada faktor seperti perubahan ekonomi, politik, atau bencana alam

Sumber: (FAO, 2006).

Sekuriti makanan merupakan hak asasi dan berkait rapat dengan kesejahteraan individu serta pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Negara yang berjaya mencapai sekuriti

makanan biasanya mempunyai kestabilan sosial yang lebih tinggi dan kadar kesihatan yang lebih baik dalam kalangan rakyatnya.

### **Konsep Ketidaksempamanan Makanan**

Manakala bagi ketidaksempamanan makanan pula merujuk kepada situasi di mana individu atau komuniti tidak memiliki akses yang cukup, selamat, dan berkhasiat untuk memenuhi keperluan pemakanan mereka. Ketidaksempamanan makanan biasanya disebabkan oleh faktor-faktor seperti kemiskinan, ketidaksamaan sosial, ketidakstabilan ekonomi, serta konflik atau bencana alam yang menghalang ketersediaan dan akses kepada makanan (Coleman-Jensen et al., 2019). Ketidaksempamanan makanan boleh dikelaskan kepada dua tahap sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2:

**Jadual 2: Tahap Ketidaksempamanan Makanan**

<b>Tahap</b>	<b>Penerangan</b>
Ketidaksempamanan Makanan Sederhana ( <i>Moderate Food Insecurity</i> )	Individu berhadapan dengan ketidakcukupan makanan secara berkala dan mungkin perlu mengurangkan kualiti atau kuantiti makanan mereka.
Ketidaksempamanan Makanan Kronik atau Teruk ( <i>Severe Food Insecurity</i> )	Individu mengalami kekurangan makanan yang serius sehingga terpaksa mengurangkan pengambilan makanan atau tidak mempunyai makanan dalam tempoh yang panjang, yang berisiko mengancam kesihatan mereka

Sumber: (Coleman-Jensen et al., 2019).

Ketidaksempamanan makanan bukan sahaja mempengaruhi kesihatan fizikal dan mental individu tetapi juga boleh mengakibatkan masalah sosial seperti kadar pendidikan rendah, kesan terhadap produktiviti tenaga kerja, dan peningkatan ketidakseimbangan sosial di dalam masyarakat.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul dan menganalisis data daripada kajian lepas yang berkaitan dengan peranan bank makanan dalam menangani ketidaksempamanan makanan di kalangan pelajar universiti. Data diperoleh daripada literatur yang merangkumi artikel jurnal, laporan, dan kajian kes yang telah diterbitkan dalam bidang ini. Melalui analisis tematik, kajian ini akan mengenal pasti tema dan pola yang berkaitan dengan faktor penyebab ketidaksempamanan makanan, keberkesanan bank makanan, serta kesan terhadap kesejahteraan pelajar. Analisis ini akan melibatkan pembacaan mendalam terhadap setiap kajian untuk memahami konteks, metodologi yang digunakan, dan dapatan yang diperoleh, di mana maklumat ini akan dirangkumkan dan diinterpretasikan untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang isu yang sedang dikaji. Hasil analisis ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai peranan bank makanan dalam membantu pelajar universiti yang berhadapan dengan ketidaksempamanan makanan.

### **Dapatan Kajian**

Jadual 3 menunjukkan rumusan yang berkaitan dengan isu kesempamanan makanan di kalangan pelajar universiti dan peranan bank makanan berdasarkan kepada kajian-kajian lepas.

**Jadual 3: Rumusan Kajian Lepas**

<b>Penulis</b>	<b>Objektif Kajian</b>	<b>Penemuan Utama</b>	<b>Cadangan/Kritikan</b>
Watson et al. (2019)	Mengkaji keberkesanannya bank makanan kampus di universiti awam dalam mengurangkan tekanan kewangan di kalangan pelajar miskin.	Bank makanan dapat mengurangkan kebimbangan makanan dan membantu pelajar menumpukan perhatian kepada pembelajaran.	Perlu lebih banyak kolaborasi dengan NGO untuk meningkatkan ketersediaan makanan dan sumber daya di bank makanan kampus.
Nazmi et al. (2019)	Menganalisis hubungan antara keselamatan makanan dan kualiti hidup pelajar serta peranan bank makanan di universiti di California.	Bank makanan membantu meningkatkan kualiti hidup pelajar yang berdepan dengan ketidakselamatan makanan.	Menyarankan pendekatan yang lebih inklusif dan penambahbaikan dalam aksesibiliti untuk pelajar dari pelbagai latar belakang sosioekonomi.
Rafaqat & Hashmi (2018)	Memahami persepsi pelajar terhadap stigma penggunaan bank makanan di universiti dan kesannya terhadap keberkesanannya inisiatif ini.	Stigma sosial menghalang sesetengah pelajar daripada menggunakan bank makanan.	Menyarankan pendidikan kesedaran dan kempen bagi mengurangkan stigma serta menggalakkan penggunaan bank makanan.
Goldrick-Rab et al. (2018)	Mengkaji tahap ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar kolej komuniti dan kesannya terhadap kesejahteraan dan prestasi akademik.	Hampir separuh daripada pelajar kolej komuniti mengalami ketidakselamatan makanan.	Memerlukan lebih banyak sokongan bantuan kewangan dan akses kepada sumber makanan yang stabil bagi mengurangkan ketidakselamatan makanan.
Martinez et al. (2018)	Menilai impak bank makanan kampus terhadap kesejahteraan pelajar dan meneliti kekangan serta cabaran operasi bank makanan di universiti di California.	Bank makanan kampus meningkatkan kualiti hidup pelajar yang memerlukan tetapi menghadapi cabaran kekurangan dana dan sumber daya.	Menyarankan kerjasama dengan komuniti luar dan peningkatan dana bagi memperkuuhkan bank makanan di universiti
Bruening et al. (2017)	Meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada kadar ketidakselamatan makanan yang tinggi di kalangan pelajar universiti di kawasan bandar AS.	Ketidakselamatan makanan memberi impak negatif terhadap kesihatan mental dan prestasi akademik pelajar.	Perlu strategi holistik oleh universiti untuk menangani isu ini, termasuk peningkatan bantuan kewangan dan sokongan psikologi.

Blagg et al. (2017)	Mengkaji hubungan antara ketidakselamatan makanan dan pencapaian akademik pelajar di universiti awam.	Pelajar yang berdepan ketidakselamatan makanan menunjukkan prestasi akademik yang lebih rendah.	Menyarankan inisiatif institusi, seperti bank makanan dan subsidi makanan, untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah keselamatan makanan.
Gaines et al. (2014)	Meneliti hubungan antara ketidakselamatan makanan dengan kesihatan fizikal dan mental pelajar universiti di Kentucky, AS.	Ketidakselamatan makanan dikaitkan dengan tahap kebimbangan, kemurungan, dan kesihatan fizikal yang buruk.	Menyarankan penyediaan perkhidmatan sokongan mental dan bank makanan bagi pelajar yang mengalami ketidakselamatan makanan.
Morris et al. (2016)	Menilai persepsi pelajar terhadap bank makanan di kampus dan impaknya dalam menangani ketidakselamatan makanan.	Pelajar yang menggunakan bank makanan melaporkan kurangnya tekanan kewangan dan lebih tumpuan terhadap akademik.	Menyarankan promosi dan kempen kesedaran di kampus bagi meningkatkan penggunaan bank makanan tanpa sebarang rasa stigma.
Maroto et al. (2015)	Menilai hubungan antara keselamatan makanan dengan prestasi akademik pelajar di kolej komuniti di AS.	Melalui bank makanan pelajar dapat meningkatkan keselamatan makanan yang lebih baik dan menunjukkan prestasi akademik yang lebih tinggi.	Menyarankan penubuhan lebih banyak bank makanan dan bantuan kewangan untuk mengurangkan masalah ketidakselamatan makanan.
Patton-López et al. (2014)	Mengkaji tahap ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar universiti di Oregon.	59% pelajar universiti mengalami ketidakselamatan makanan.	Menyarankan penyediaan sokongan tambahan seperti bank makanan kampus untuk membantu pelajar yang mengalami kesulitan kewangan.
Hughes et al. (2011)	Menganalisis impak bank makanan dalam membantu pelajar universiti di Australia yang mengalami ketidakselamatan makanan.	Bank makanan membantu pelajar mendapatkan akses kepada makanan berkhasiat, mengurangkan kebimbangan makanan.	Memerlukan dana berterusan dan sokongan universiti untuk mengekalkan operasi bank makanan.

Sumber: Kajian lepas

### Analisis dan Perbincangan

#### Keberkesanan Bank Makanan sebagai Intervensi Jangka Pendek

Kajian oleh Hughes et al. (2011) dan Martinez et al. (2018) menunjukkan bahawa bank makanan dapat membantu pelajar mendapatkan akses kepada makanan berkhasiat,

mengurangkan kebimbangan dan tekanan kewangan, serta membantu pelajar menumpukan perhatian kepada akademik. Maroto et al. (2015) juga mendapati bahawa keselamatan makanan yang terjamin melalui bank makanan berkait dengan prestasi akademik yang lebih baik, di mana pelajar dapat belajar dengan lebih fokus dan kurang tekanan. Namun, walaupun intervensi ini efektif dalam jangka pendek, ia bukan penyelesaian menyeluruh. Terdapat keperluan untuk strategi jangka panjang seperti peningkatan bantuan kewangan dan polisi universiti yang menyokong kesejahteraan keseluruhan pelajar, kerana bank makanan hanya mengurangkan simptom masalah tanpa menyelesaikan punca utama ketidakselamatan makanan.

### **Stigma Sosial sebagai Halangan kepada Penggunaan Bank Makanan**

Walaupun bank makanan membantu dari segi praktikal, kajian oleh Rafaqat & Hashmi (2018) dan Morris et al. (2016) menunjukkan bahawa stigma sosial yang dikaitkan dengan penggunaan bank makanan menghalang sesetengah pelajar daripada memanfaatkan kemudahan ini. Ramai pelajar menganggap penggunaan bank makanan sebagai tanda kelemahan atau kemiskinan, dan mereka mungkin enggan mendapatkan bantuan ini walaupun menghadapi kesulitan. Cadangan dari kajian ini termasuk meningkatkan kesedaran serta mempromosikan penggunaan bank makanan dengan pendekatan yang inklusif dan bebas stigma. Penglibatan universiti dalam mengadakan program kesedaran dan mengubah persepsi terhadap bank makanan dapat memainkan peranan penting dalam menggalakkan lebih ramai pelajar untuk memanfaatkan kemudahan ini tanpa rasa malu atau rendah diri.

### **Impak Ketidakselamatan Makanan terhadap Kesihatan Mental dan Fizikal**

Kajian oleh Bruening et al. (2017) dan Gaines et al. (2014) menunjukkan bahawa ketidakselamatan makanan memberi kesan serius terhadap kesihatan mental dan fizikal pelajar, termasuk tahap kebimbangan, kemurungan, dan kesihatan fizikal yang lemah. Keselamatan makanan yang terjamin adalah penting bukan sahaja untuk kesihatan fizikal tetapi juga untuk kesejahteraan mental pelajar, yang akhirnya mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Ini menunjukkan bahawa bank makanan sahaja mungkin tidak mencukupi untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah kompleks ini. Universiti perlu menyediakan sokongan tambahan seperti kaunseling kesihatan mental dan perkhidmatan sokongan sosial bagi membantu pelajar menangani tekanan yang berkaitan dengan ketidakselamatan makanan.

### **Cabarani Operasi Bank Makanan: Kekurangan Dana dan Sumber Daya**

Kajian oleh Martinez et al. (2018) dan Watson et al. (2019) menekankan cabaran yang dihadapi oleh bank makanan dari segi kekurangan dana dan sumber daya, yang boleh mengancam keberkesaan dan kesinambungan operasinya. Walaupun terdapat usaha kolaborasi dengan NGO dan komuniti luar untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi, cabaran ini menekankan perlunya sokongan yang lebih besar dari pihak universiti dan kerajaan. Bantuan kewangan berterusan dan penglibatan organisasi luar adalah penting untuk memastikan operasi bank makanan tidak terhenti, terutama ketika permintaan makanan semakin meningkat dalam kalangan pelajar universiti. Selain itu, pihak universiti boleh menyumbangkan ruang fizikal atau kemudahan lain untuk mengurangkan kos operasi bank makanan.

### **Hubungan Keselamatan Makanan dan Prestasi Akademik**

Melalui kajian oleh Blagg et al. (2017), Goldrick-Rab et al. (2018), dan Maroto et al. (2015) menunjukkan bahawa keselamatan makanan berkait langsung dengan pencapaian akademik. Ketidakselamatan makanan menyebabkan tekanan, yang mengganggu kemampuan pelajar untuk fokus dan berprestasi dalam akademik. Ini menegaskan kepentingan sokongan makanan

yang stabil sebagai salah satu faktor penentu kejayaan akademik, dan ia perlu diberi perhatian dalam dasar institusi pengajian tinggi. Bank makanan, dalam hal ini, memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi, namun pendekatan yang lebih luas adalah penting untuk menangani isu ini secara berkesan.

### **Peranan Bank Makanan terhadap Pelajar Universiti dalam Menangani Masalah Ketidakselamatan Makanan**

Bank makanan di universiti memainkan peranan penting dalam menangani masalah ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar universiti dengan menyediakan akses kepada makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Dengan menawarkan makanan secara percuma, bank makanan membantu pelajar university memenuhi keperluan asas mereka tanpa perlu memikirkan kos yang tinggi (Hughes et al., 2011). Ini seterusnya mengurangkan tekanan kewangan yang dihadapi oleh pelajar universiti, membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran dan aktiviti akademik tanpa dibebani oleh masalah kewangan yang berlebihan (Martinez et al., 2018).

Selain itu, akses kepada makanan yang mencukupi dapat membantu meningkatkan kesejahteraan mental pelajar, mengurangkan masalah kesihatan mental seperti stres dan kemurungan yang sering dialami oleh mereka yang berhadapan dengan ketidakselamatan makanan (Cady, 2014). Banyak bank makanan juga menyediakan program pendidikan pemakanan yang memberi maklumat kepada pelajar tentang cara memilih dan menyediakan makanan yang sihat, membantu mereka membentuk tabiat pemakanan yang lebih baik untuk jangka panjang (Tarasuk & Eakin, 2003). Di samping itu, bank makanan berfungsi sebagai platform untuk membina jaringan sosial dalam kalangan pelajar, di mana mereka dapat berinteraksi dan membina hubungan yang penting, seterusnya mengurangkan perasaan terasing (Dubick et al., 2016).

Bank makanan juga membantu mengurangkan pembaziran makanan dengan mengumpulkan lebihan makanan dari peruncit dan penyumbang lain untuk diagihkan kepada pelajar yang memerlukan, sekaligus menyokong usaha kelestarian alam sekitar (Poppendieck, 1998). Selain itu, dengan mengumpul dan menganalisis data mengenai keperluan pelajar, bank makanan dapat memberikan saranan kepada pihak pengurusan universiti dan penggubal dasar untuk merangka strategi yang lebih baik dalam menangani masalah ketidakselamatan makanan (Henry, 2017). Dengan semua fungsi ini, bank makanan di universiti menjadi satu elemen penting dalam memastikan pelajar dapat mengatasi masalah ketidakselamatan makanan dan meningkatkan kualiti hidup mereka semasa menjalani pendidikan tinggi.

### **Kesimpulan**

Bank makanan di universiti merupakan satu langkah penting dalam mengurangkan ketidakselamatan makanan di kalangan pelajar universiti dan menyediakan sokongan yang sangat diperlukan oleh pelajar yang menghadapi kesulitan kewangan. Walau bagaimanapun, keberkesanan jangka panjang bank makanan memerlukan sokongan dari pihak universiti dan kerjasama dengan organisasi luar untuk memastikan kestabilan dan kesinambungan bekalan makanan. Kajian ini mengesyorkan pendekatan yang lebih holistik untuk menangani ketidakselamatan makanan di universiti, termasuk pendidikan kesedaran bagi mengurangkan stigma, pembiayaan yang lebih stabil, dan dasar yang menyokong akses pelajar kepada keperluan asas mereka.

### **Penghargaan**

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan atas sokongan dan dana yang telah diberikan. Kertas kerja ini dibiayai oleh Geran Dalaman Dana Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan 2022 (No. Fail: 600-TNCPI 5/3DDN (03) (013/2022).

## **Rujukan**

- Blagg, K., Gundersen, C., Schanzenbach, D. W., & Ziliak, J. P. (2017). Assessing food insecurity on campus: Perspectives from students. Urban Institute.
- Broton, K. M., & Goldrick-Rab, S. (2018). Going without: An exploration of food and housing insecurity among undergraduates. *Educational Researcher*, 47(2), 121-133. <https://doi.org/10.3102/0013189X17741303>
- Bruening, M., Van Woerden, I., Todd, M., & Laska, M. (2017). Hungry to learn: The prevalence and effects of food insecurity on health behaviors and outcomes over time among a diverse sample of University Freshmen. *International Journal of Behavioral Nutrition and Physical Activity*, 14(1), 9. <https://doi.org/10.1186/s12966-017-0491-2>
- Cady, C. (2014). The impact of food insecurity on student success: A review of the literature. *Journal of College Student Development*, 55(2), 203-206.
- Coleman-Jensen, A., Rabbitt, M. P., Gregory, C. A., & Singh, A. (2019). Household food security in the United States in 2018 (No. 270195). United States Department of Agriculture, Economic Research Service.
- Coleman-Jensen, A., Rabbitt, M. P., Gregory, C. A., & Singh, A. (2019). Household food security in the United States in 2018 (No. 270195). United States Department of Agriculture, Economic Research Service.
- Crutchfield, R. M., & Maguire, J. (2018). California State University Office of the Chancellor. Study of Student Basic Needs. <https://www.calstate.edu>
- Dubick, J., Mathews, B., & Cady, C. (2016). Hunger on campus: The challenge of food insecurity for college students. College and University Food Bank Alliance. <http://studentsagainsthunger.org>
- Dubick, J., Mathews, B., & Cady, C. (2016). Hunger on campus: The challenge of food insecurity for college students. The Hope Center for College, Community, and Justice.
- El Zein, A., Mathews, A. E., House, L., & Shelnutt, K. P. (2018). Why are hungry college students not seeking help? Predictors of and barriers to using an on-campus food pantry. *Journal of Hunger & Environmental Nutrition*, 13(1), 108-116. <https://doi.org/10.1080/19320248.2017.1374900>
- Food and Agriculture Organization (FAO). (2006). Food security. Policy Brief, Issue 2.
- Freudenberg, N., Manzo, L., Jones, H., Kwan, A., Tsui, E., & Gagnon, M. (2011). Food insecurity at CUNY: Results from a survey of CUNY undergraduate students. Campaign for a Healthy CUNY. <https://healthyfoodpolicyproject.org>
- Gaines, A., Robb, C. A., Knol, L. L., & Sickler, S. (2014). Examining the role of financial factors, resources, and skills in predicting food security status among college students. *International Journal of Consumer Studies*, 38(4), 374–384. <https://doi.org/10.1111/ijcs.12110>
- Goldrick-Rab, S., Richardson, J., Schneider, J., Hernandez, A., & Cady, C. (2018). Still hungry and homeless in college. Hope Center for College, Community, and Justice.
- Gundersen, C., & Ziliak, J. P. (2015). Food insecurity and health outcomes. *Health Affairs*, 34(11), 1830-1839. <https://doi.org/10.1377/hlthaff.2015.0645>
- Hagedorn, R. L., McArthur, L. H., Hood, L. B., Berner, M., Anderson Steeves, E., Connell, C., & Wall-Bassett, E. D. (2019). Food insecurity, self-rated health, and obesity among college

- students. *American Journal of Health Education*, 50(4), 236-243. <https://doi.org/10.1080/19325037.2019.1604248>
- Henry, L. (2017). Food insecurity and college students: A review of the literature. *Journal of Student Affairs Research and Practice*, 54(3), 323-335
- Henry, L. (2017). Understanding food insecurity among college students: Experience, motivation, and local solutions. *Annals of Anthropological Practice*, 41(1), 6-19. <https://doi.org/10.1111/napa.12108>
- Hughes, M. A., & Kearney, J. M. (2011). The role of the food bank in the nutritional well-being of low-income families. *Public Health Nutrition*, 14(6), 1010-1018.
- Hughes, R., Serebryanikova, I., Donaldson, K., & Leveritt, M. (2011). Student food insecurity: The skeleton in the university closet. *Nutrition & Dietetics*, 68(1), 27–32. <https://doi.org/10.1111/j.1747-0080.2010.01496.x>
- Maroto, M. E., Snelling, A., & Linck, H. (2015). Food insecurity among community college students: Prevalence and association with grade point average. *Community College Journal of Research and Practice*, 39(6), 515–526. <https://doi.org/10.1080/10668926.2013.850758>
- Martinez, S. M., Webb, K., Frongillo, E. A., & Ritchie, L. D. (2018). Food insecurity in California's public university system: What are the risk factors? *Journal of Hunger & Environmental Nutrition*, 13(1), 1–18. <https://doi.org/10.1080/19320248.2018.1512925>
- Martinez, S., & Hargreaves, M. (2018). Food insecurity among college students in the United States. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 50(6), 643-653.
- Morris, L. M., Smith, S., Davis, J., & Null, D. B. (2016). The prevalence of food security and insecurity among Illinois University students. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 48(6), 376–382.e1. <https://doi.org/10.1016/j.jneb.2016.03.013>
- Nikolaus, C. J., An, R., Ellison, B., & Nickols-Richardson, S. M. (2019). Food insecurity among college students in the United States: A scoping review. *Advances in Nutrition*, 10(3), 547-568. <https://doi.org/10.1093/advances/nmz013>
- Patton-López, M. M., López-Cevallos, D. F., Cancel-Tirado, D. I., & Vazquez, L. (2014). Prevalence and correlates of food insecurity among students attending a midsize rural university in Oregon. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 46(3), 209–214. <https://doi.org/10.1016/j.jneb.2013.10.007>
- Rafaqat, H., & Hashmi, N. (2018). Socioeconomic stigma and food insecurity: Exploring perceptions among college students. *Social Science Journal*, 55(2), 183–195. <https://doi.org/10.1016/j.soscij.2017.12.004>
- Tarasuk, V., & Eakin, J. M. (2003). Charitable food assistance as symbolic gesture: An ethnographic study of food banks in Ontario. *Social Science & Medicine*, 56(7), 1505-1515. [https://doi.org/10.1016/S0277-9536\(02\)00152-1](https://doi.org/10.1016/S0277-9536(02)00152-1)
- Watson, T. D., Malan, H., Glik, D., & Martinez, S. M. (2019). College students identify university support for basic needs and life skills as key ingredients in addressing food insecurity on campus. *California Agriculture*, 73(3), 169–176. <https://doi.org/10.3733/ca.2019a0005>